



“ MUAFAKAT KEDAH ”

Ruj. Kami : JPK.SKPP.UPB.200-1/2/1 (53)
Tarikh : 4 Januari 2017

Semua Guru Besar/Pengetua,
Sekolah-Sekolah Di Negeri Kedah Darul Aman

Tuan,

**PERMOHONAN KELULUSAN TUKAR GUNA DAN PENYEWAAAN PREMIS KEMENTERIAN
PENDIDIKAN MALAYSIA (TERMASUK KUARTERS) DI BAWAH SEKTOR PELAJARAN**

Dengan segala hormatnya saya diarah merujuk kepada perkara di atas.

2. Sepertimana yang tuan sedia maklum, sebarang **permohonan tukar guna dan penyewaan Premis Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)** di bawah Sektor Pelajaran hendaklah dipanjangkan ke Bahagian Perancangan Dan Penyelidikan Dasar Pendidikan (BPPDP) bagi mendapatkan kelulusan Ketua Pendaftar. Ini selaras dengan peruntukan **Akta Pendidikan 1996 (AKTA 550) : Bahagian VIII (PENDAFTARAN INSTITUSI PENDIDIKAN)** yang menyatakan :

Seksyen 83. Perubahan berkenaan dengan Premis Institusi Pendidikan

- (1) Tiada suatu institusi pendidikan pun boleh menukar alamat premisnya atau membuat apa-apa perubahan kepada premis itu tanpa mendapatkan kelulusan Ketua Pendaftar terlebih dahulu.
- (2) Permohonan untuk menukar alamat premis institusi pendidikan atau membuat perubahan kepada premis hendaklah dibuat kepada Ketua Pendaftar dalam bentuk dan mengikut cara yang ditetapkan.

Sebarang pelanggaran atau ketidakpatuhan terhadap Akta 550 boleh dikenakan tindakan tatatertib.

3. **Sebarang perubahan kepada premis hanya boleh dimulakan setelah memperoleh kelulusan Ketua Pendaftar Institusi Pendidikan dan Guru terlebih dahulu.** Permohonan daripada pihak sekolah hendaklah dikemukakan melalui Pejabat Pendidikan Daerah masing-masing kepada Jabatan Pendidikan Negeri Kedah Darul Aman (U.P. Unit Pembangunan).

4. Sehubungan dengan itu, adalah dipohon semua pentadbir sekolah bagi sekolah-sekolah di Negeri Kedah supaya mematuhi peraturan tersebut di atas. Sebarang ketidakpatuhan terhadap **Akta 550**, pentadbir sekolah berkenaan dikehendaki mengemukakan **surat tunjuk sebab kepada Ketua Pendaftar Institusi Pendidikan dan Guru.**

...2/-

Ruj. Kami : JPK.SKPP.UPB.200-1/2/1 (53)
Tarikh : 4 Januari 2017

Kerjasama dan keperihatian tuan dalam hal ini sangat diharapkan.

Sekian, terima kasih

“ BERKHIDMAT UNTUK NEGARA ”
“ MUAFAKAT KEDAH ”

Saya yang menurut perintah,



(SAIDI BIN SHAARI)
Ketua Sektor,
Sektor Khidmat Pengurusan Dan Pembangunan,
b/p Pengarah Pendidikan Negeri Kedah

s.k

- Pengarah Pendidikan Negeri Kedah
- Timbalan Pengarah Pendidikan Negeri Kedah
- Semua Pegawai Pendidikan Daerah
Negeri Kedah Darul Aman